



**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA  
(PENGURUSAN)  
KEMENTERIAN PELAJARAN  
ARAS 6, BLOK E8, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 PUTRAJAYA**

Telefon : +603-8884 6152  
Faks : +603-8889 5040  
Laman-Web: <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami : KP.SULIT(NP) 0063/107(336)

Tarikh : 18 Ogos 2009

Semua Ketua Jabatan/Bahagian,  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Pengarah Institut Aminuddin Baki

Semua Pengarah Institut Perguruan Malaysia

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Semua Pegawai Pelajaran Daerah

Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
SISWAZAH (PPPS) GRED DG44 KE GRED DG48 SECARA *TIME-BASED*  
KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) BAGI BEKAS PEGAWAI  
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD) TAHUN 2009**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG44 ke Gred DG48 secara *Time-Based* Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lيسان Diploma (PPPLD). Urusan ini mengambil kira setiap tiga (3) tahun pengalaman di PPPLD Gred DGA29, Gred DGA32, Gred DGA34 dan Gred DGA38 sebagai satu (1) tahun pengalaman di Gred DG44 dengan had maksimum pengalaman sembilan (9) tahun di PPPLD bersamaan tiga (3) tahun di PPPS DG44.

3. Perakuan adalah dikalangan semua PPPS Gred DG44 bekas PPPLD yang berkelayakan. Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat tidak lebih awal daripada 1 Julai 2009 atau mana-mana tarikh lain selepas pegawai memenuhi semua syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan, mengikut mana yang terkemudian.

4. Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat umum dan syarat-syarat khusus urusan kenaikan pangkat pada kali ini seperti berikut:

#### 4.1 Syarat-syarat Umum

- 4.1.1 Telah dinaikkan pangkat ke Gred DG44 sekurang-kurangnya dua (2) tahun pada 1 Julai 2009;
- 4.1.2 Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan berdasarkan Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) tiga (3) tahun terakhir bagi tahun 2006, 2007 dan 2008;
- 4.1.3 Bebas daripada tindakan tatatertib;
- 4.1.4 Telah mengisytiharkan harta;
- 4.1.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 4.1.6 Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan;
- 4.1.7 Lulus PTK yang ditetapkan iaitu TK3 di Gred DG44 (Keseluruhan Aras III atau IV); dan
- 4.1.8 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

#### 4.2 Syarat-syarat Khusus

- 4.2.1 Syarat-syarat khusus urusan kenaikan pangkat PPPS Gred DG44 ke Gred DG48 (KUP) secara *Time-Based* bagi bekas PPPLD adalah seperti di **Lampiran A**.

### 5. Perakuan Ketua Jabatan

- 5.1 Semua Ketua Jabatan yang memegang Buku Rekod Perkhidmatan (BRP) diminta untuk memperakukan calon-calon yang layak untuk dipertimbangkan mengikut format seperti di **Lampiran B**. Perakuan mengikut format di **Lampiran B** yang telah lengkap diisi dengan maklumat yang betul hendaklah dikemukakan melalui Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)/Bahagian masing-masing dengan melampirkan satu (1) salinan dokumen sokongan seperti berikut:-

- 5.1.1 Kad Pengenalan;

- 5.1.2 Surat Kenaikan Pangkat Gred DG44 yang dikeluarkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP);
- 5.1.3 Slip keputusan PTK (TK 3);
- 5.1.4 Kenyataan oleh Ketua Jabatan (seperti di **Lampiran C**);
- 5.1.5 Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi / Tabung Pendidikan (seperti di **Lampiran D**); dan
- 5.1.6 Borang Tapisan Keutuhan SPRM (seperti di **Lampiran T1**).

**6. Calon yang memenuhi syarat-syarat umum dan khusus seperti yang dinyatakan di para 4.1 dan 4.2 di atas sahaja layak dipertimbangkan.** Semua Ketua Jabatan diingatkan supaya mengisi butir-butir perakuan mengikut format seperti di **Lampiran B** dengan lengkap, betul dan disertakan bersama dengan semua dokumen sokongan seperti yang dikehendaki. Ketua Jabatan hendaklah memastikan perakuan mereka dikemukakan kepada Pengarah JPN/ Bahagian masing-masing **sebelum atau pada jam 5.00 petang, Jumaat, 18 September 2009.**

## **7. Peranan Ketua Jabatan**

- 7.1 Kerjasama Ketua Jabatan adalah dipohon untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:
  - 7.1.1 Menghebah dan memaklumkan urusan kenaikan pangkat ini kepada semua pegawai di bawah penyeliaan masing-masing yang layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di para 4.1 dan 4.2 di atas;
  - 7.1.2 Menyemak serta memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat yang diberikan oleh calon;
  - 7.1.3 Memastikan calon mencapai tahap prestasi yang ditetapkan berdasarkan LNPT tiga (3) tahun terakhir bagi tahun 2006, 2007 dan 2008. Manakala bagi pegawai yang cuti belajar, cuti tanpa gaji atau cuti sakit berpanjangan melebihi 180 hari pada tahun berkenaan, Ketua Jabatan diminta mengemukakan markah LNPT pada tahun sebelumnya;
  - 7.1.4 Menentukan hanya permohonan yang memenuhi syarat umum dan syarat khusus seperti di para 4.1 dan 4.2 di atas

sahaja dikemukakan ke Unit Naik Pangkat Siswazah 2, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), KPM bersama-sama dengan dokumen sokongan calon-calon seperti di para 5.1;

- 7.1.5 Mengemukakan perakuan bagi calon yang layak seperti format di Lampiran B dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy* beserta dokumen sokongan ke alamat berikut **sebelum atau pada jam 5.00 petang, Jumaat, 16 Oktober 2009:-**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Aras 4, Blok E12, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
**(u.p: Unit Naik Pangkat Siswazah 2)**

8. Sebarang pertanyaan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara ini bolehlah dirujuk kepada JPN/Bahagian masing-masing atau kepada pegawai-pegawai di Kementerian ini seperti berikut:

- 8.1 Cik Azirah Bt Sehat/Pn. Siti Syazia Bt Jamlus : 03-8884 7986  
8.2 Unit Naik Pangkat Siswazah 2 : 03-8884 7934/  
03-88721421

9. Di atas segala kerjasama Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berikan di dalam melancarkan urusan kenaikan pangkat ini adalah sangat-sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya Yang Menurut Perintah,



**( DATUK HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI MOHD NOOR )**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Y. Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia
  2. Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
  3. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan & Kewangan)
  4. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Dasar & Pembangunan Pendidikan)
  5. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Operasi Pendidikan)
  6. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Pembangunan dan Profesionalisme Keguruan)
  7. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

## LAMPIRAN A

### **SYARAT-SYARAT KHUSUS KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS) GRED DG44 KE GRED DG48 SECARA *TIME-BASED* KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) BAGI BEKAS PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD)**

1. Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat khusus urusan kenaikan pangkat pada kali ini.

#### 1.2 Syarat-syarat Khusus

- 1.2.1 PPPLD Gred DGA29, DGA 32, DGA 34 dan DGA 38 yang telah dilantik ke Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41;
- 1.2.2 Telah dinaikkan pangkat ke Gred DG44 bermula 1 Januari 2004; dan
- 1.2.3 Mengambil kira setiap tiga (3) tahun pengalaman di PPPLD sebagai 1 tahun pengalaman di PPPS Gred DG44 dengan had maksimum 9 tahun di PPPLD bersamaan tiga (3) tahun di PPPS Gred DG44. Cara kiraan tempoh seperti di **Jadual 1** berikut:-

**Jadual 1 : Jadual Kiraan Tempoh Perkhidmatan**

PPPLD			PPPS				TEMPOH GENAP 20 TAHUN BAGI URUSAN <i>TIME-BASED</i>	MATA GAJI
TAHUN LANTIKAN PPPLD GRED DGA29	TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPLD (TAHUN)	TEMPOH YANG DIAMBIL KIRA (3 TAHUN PENGALAMAN DI PPPLD DIKIRA SEBAGAI 1 TAHUN BERKHIDMAT DI PPPS)	TAHUN LANTIKAN PPPS DG 41	TAHUN NAIK PANGKAT PPPS DG44	TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPS DG41/DG44 PADA 1 JULAI 2009	KOMBINASI TEMPOH (TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPLD + TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPS)		
1987	3	1	1990	2006	19	19 + 1	20	P1T18 atau setaraf
1986	4							
1985	5							
1985	6	2	1991	2005	18	18 + 2	20	P1T19 atau setaraf
1984	7							
1983	8							
1983	9	3	1992	2004	17	17 + 3	20	P1T20 atau setaraf
1982	10							
1981 dan sebelum	11 tahun dan lebih							

**Nota :**

1. Pegawai yang berada di tangga gaji P1T21, P1T20, P1T19 dan P1T18 pada tahun 2002 seperti di **Jadual 2** dan **Jadual 3** di bawah tetapi tempoh genap gabungan PPPLD dan PPPS kurang 20 tahun juga adalah layak untuk dipertimbangkan di dalam urusan kenaikan pangkat ini.
2. Pegawai yang telah dinaikkan pangkat ke Gred DG44 dengan mengambil kira perkhidmatan PPPLD adalah tidak layak untuk diperakukan dalam urusan kenaikan pangkat ini.

MAKLUMAT PEGAWAI YANG DIPERTIMBANGKAN MENGIKUT SUSUNAN KEKANANAN

NAMA SKIM PERKHIDMATAN : PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH

URUSAN : KENAIKAN PANGKAT DARI GRED DG44 KE GRED DG48 (KUP) BAGI BEKAS PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA

BIL.	NAMA PEGAWAI NO. KAD PENGENALAN JAWATAN/ TEMPAT BERTUGAS	TARIKH LAHIR	TARIKH LANTIKAN PPPS DG41	TARIKH NAIK PANGKAT PPPS DG44	TARIKH LANTIKAN KE PPPLD DGA29	TEMPOH PENGALAMAN DIAMBIL KIRA 1/2/3 TAHUN	TEMPOH DI ATAS PPPS DG41/ DG44	MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI			JUMLAH MARKAH KESELURUHAN (100%)	KEPUTUSAN PTK/ ARAS/ TARIKH LULUS	CATATAN
								2005 (20%)	2006 (35%)	2007 (45%)			

Penyedia :  
Tandatangan :  
Nama Pegawai :  
Jawatan :  
Tarikh :

Penyemak :  
Tandatangan ;  
Nama Pegawai :  
Jawatan :  
Tarikh :

Pengesah :  
Tandatangan :  
Nama Pegawai :  
Jawatan :  
Tarikh :



### KENYATAAN OLEH KETUA JABATAN

Nama Pemohon : Encik/Puan : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : Lama/Baru : \_\_\_\_\_

1. **Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)**

(a) Tahun 2006 : \_\_\_\_\_

(b) Tahun 2007 : \_\_\_\_\_

(c) Tahun 2008 : \_\_\_\_\_

2. **Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)**

(a) Lulus/ Dikecualikan \*

PTK 1 Aras : \_\_\_\_\_ Tahun : \_\_\_\_\_

PTK 2 Aras : \_\_\_\_\_ Tahun : \_\_\_\_\_

PTK 3 Aras : \_\_\_\_\_ Tahun : \_\_\_\_\_

(b) Tarikh Duduk PTK :

( Sila sertakan semua salinan slip keputusan PTK yang telah diduduki )

3. **Kenyataan Tatatertib**

Adalah disahkan bahawa pegawai di atas;

**BEBAS** dari kes tatatertib/SPRM/Surcaj/Mahkamah

Atau

**SEDANG** dalam tindakan tatatertib/SPRM/Surcaj/Mahkamah. (Nyatakan status kes/tindakan):-

i) Laporan telah dikemukakan kepada Urusetia Lembaga Tatatertib Kementerian

ii) Telah dikeluarkan surat pertuduhan  
Atau

**TELAH** dikenakan hukuman tatatertib/SPRM/Surcaj/Mahkamah seperti berikut:-

Jenis Kesalahan : \_\_\_\_\_

Jenis Hukuman : \_\_\_\_\_

Tarikh Hukuman : \_\_\_\_\_

4. **Kenyataan Mengenai Pengisytiharan Harta**

Adalah disahkan bahawa pegawai di atas.

- a)  **TELAH** mengisytiharkan harta mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa dan diluluskan melalui surat bil. \_\_\_\_\_ bertarikh \_\_\_\_\_

(sila sertakan salinan surat kelulusan)

- b)  **BELUM** mengisytiharkan harta kepada pihak berkuasa tatatertib.

5. **Kenyataan Mengenai Tempoh Percubaan Berdenda / Cuti Tanpa Gaji/ Bersara Pilihan / Pelepasan Jawatan Dengan Izin / Perletakan Jawatan**

Adalah disahkan bahawa pegawai di atas.

- a) Pernah / Tidak Pernah dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda mulai/pada \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_
- b) Telah diluluskan cuti tanpa gaji mulai/pada \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_
- c) Telah memohon cuti tanpa gaji mulai/pada \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_
- d) Telah memohon bersara pilihan / pelepasan jawatan dengan izin/perletakan jawatan pada \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Ketua Jabatan & Cop Jabatan

**Catatan:**

(Tandakan  dalam petak yang sesuai dan \* potong mana yang tidak berkenaan)

**SURAT AKUAN  
PINJAMAN PENDIDIKAN INSTITUSI / TABUNG PENDIDIKAN**

Saya .....No. KP:..... mengesahkan bahawa:

Saya tidak ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mana-mana institusi / tabung pendidikan;

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada ..... mula tarikh ..... hingga ..... sebanyak RM ..... dan ..... mulai tarikh ..... hingga ..... sebanyak RM ..... Saya mengesahkan masih belum membuat bayaran;

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada ..... mulai tarikh ..... hingga ..... sebanyak RM ..... dan pada masa ini sedang membuat pembayaran secara bulanan melalui pembayaran tunai/potong gaji mulai ..... ;

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada ..... mulai tarikh ..... hingga ..... sebanyak RM ..... dan saya telahpun menyelesaikan sepenuhnya pinjaman pada .....

**PERAKUAN**

Saya mengaku bahawa pengisytiharan yang dinyatakan di atas adalah benar. Sekiranya tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4 (f) dan Peraturan 4 (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

.....

Tandatangan Pegawai

Nama :

Jawatan :

Alamat Pejabat :

Tarikh :

**PENGESAHAN**

.....

Tandatangan Ketua Jabatan

Nama :

Jawatan :

Alamat Pejabat :

Tarikh :



9. JAWATAN YANG DISANDANG DALAM PERTUBUHAN / LAIN-LAIN


10. REKOD AKADEMIK

BIL.	SIJIL / IJAZAH	INSTITUT / PUSAT PENGAJIAN TINGGI	TAHUN

B. 1. NAMA ISTERI / SUAMI :

---

---

2. JAWATAN / PEKERJAAN ISTERI / SUAMI :

---

---

---

3. ALAMAT PEJABAT ISTERI / SUAMI :

---

---

---

---

Jadual 2:

**RINGKASAN KENAIKAN PANGKAT *TIME-BASED* PPPS GRED DG41 KE GRED DG44 & DG48 DI BAWAH SISTEM SARAAAN MALAYSIA**

		TANGGA GAJI	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	
Dikecualikan daripada syarat lulus PTK 1 @ 2 untuk Gred DG44 dan PTK		P1T26 + 1 THN (11 THN PERKHIDMATAN) pada 31.10.2002	DG48												
		P1T26 (10 THN PERKHIDMATAN) pada 31.10.2002	DG44	DG48											
		P1T25 (9 THN PERKHIDMATAN) pada 31.10.2002	DG44	→	DG48										
i. Dikecualikan daripada syarat lulus PTK 1 @ 2 untuk Gred DG44 dan ; ii. Disyaratkan lulus PTK Tahap 3 untuk ke Gred DG48			DG44	→	DG48										
			DG44	→	DG48										
			DG44	→	DG48										
			DG44	→	DG48										
			DG44	→	DG48										
			DG44	→	DG48										
			DG44	→	DG48										
TANGGA GAJI Disyaratkan lulus PTK 1 @ 2 untuk ke Gred DG44 dan PTK 3 untuk ke Gred DG48			DG44											DG48	
			DG44												DG48
			DG44												DG48
			DG44												DG48
			DG44												DG48
			DG44												DG48
			DG44												DG48

Syarat-syarat lain yang ditetapkan :-

- Memilih opsiyen SSM
- Disahkan dalam perkhidmatan ;
- Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ;
- Bebas daripada tindakan tatatertib ;
- Kelulusan pengisytiharan harta ; dan
- Lulus tapisan keutuhan BPR
- Diperakukan oleh ketua perkhidmatan.

Anggota-Anggota Lain Yang Pilih SSM:-

Tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di LAMPIRAN B Pek. Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002

Anggota Yang Tidak Memilih SSM

Tertakluk kepada syarat-syarat sedia ada di bawah SSB

Jadual 3:

1. **MATAGAJI BERSAMAAN YANG SETARAF DI P2 DAN P3 DENGAN MATAGAJI P1T11 HINGGA P1T26 BAGI PPPS GRED DG3 PADA 31.10.2002 BAGI KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* KE GRED DG44 DAN DG48 (KUP) MULAI 2003**

<b>P1</b>	<b>T11</b> 2196.15	<b>T12</b> 2274.80	<b>T13</b> 2353.45	<b>T14</b> 2432.10	<b>T15</b> 2510.75	<b>T16</b> 2589.40	<b>T17</b> 2668.05	<b>T18</b> 2798.73	<b>T19</b> 2929.41	<b>T20</b> 3060.09	<b>T21</b> 3190.77	<b>T22</b> 3321.45	<b>T23</b> 3452.13	<b>T24</b> 3582.81	<b>T25</b> 3713.49	<b>T26</b> 3844.17
<b>P2</b>	<b>T10</b> 2232.45	<b>T11</b> 2314.73	<b>T12</b> 2397.01	<b>T13</b> 2479.29	<b>T14</b> 2561.57	<b>T15</b> 2643.85	<b>T16</b> 2726.13	<b>T17</b> 2861.65	<b>T18</b> 2997.17	<b>T19</b> 3132.69	<b>T20</b> 3268.21	<b>T21</b> 3403.73	<b>T22</b> 3539.25	<b>T23</b> 3674.77	<b>T24</b> 3810.29	<b>T25</b> 3945.81 <b>T26</b> 4081.33
<b>P3</b>	<b>T9</b> 2265.12	<b>T10</b> 2351.03	<b>T11</b> 2436.94	<b>T11</b> 2436.94	<b>T12</b> 2522.85	<b>T13</b> 2608.76	<b>T14</b> 2694.67 <b>T15</b> 2780.58	<b>T16</b> 2922.15	<b>T17</b> 3063.72	<b>T17</b> 3063.72	<b>T18</b> 3205.29	<b>T19</b> 3346.86	<b>T20</b> 3488.43	<b>T21</b> 3630.00	<b>T22</b> 3771.57	<b>T23</b> 3913.14 <b>T24</b> 4054.71 <b>T25</b> 4196.28

2. **MATAGAJI BERSAMAAN YANG SETARAF DI P2 DAN P3 DENGAN MATAGAJI P1T21 DAN P1T20 BAGI PPPLD GRED DGA6 PADA 31.10.2002 BAGI KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* KE GRED DGA32 (KUP) MULAI 2003**

<b>P1</b>	<b>T20</b> 2178.00	<b>T21</b> 2256.65
<b>P2</b>	<b>T19</b> 2244.55	<b>T20</b> 2326.83
<b>P3</b>	<b>T17</b> 2222.77	<b>T18</b> 2308.68

